



**KE PENJARA:** Tertuduh (kanan) diiring polis selesai dijatuhkan hukuman di Mahkamah Sesyen Kuching semalam.

# Perogol anak kandung dipenjara 20 tahun

## Tertuduh turut dikenakan 13 sebatan selepas mengaku bersalah merogol mangsa sejak 2023

Oleh Hafizah Abdul Hamid

**KUCHING:** Seorang buruh kasar dijatuhi hukuman penjara 20 tahun berserta 13 sebatan di Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah merogol anak kandung perempuannya yang berusia 14 tahun, sejak 2023.

Selari dengan Seksyen 26 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (SOACA) 2017, Hakim Iris Awen Jon memerintahkan tertuduh yang berusia 37 tahun itu untuk menjalani kaunseling sepanjang tempoh tahanan.

Iris juga mengarahkan tertuduh menjalani pengawasan polis selama dua tahun selesai menjalani hukuman, selari dengan Seksyen 27 SOACA 2017.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 16(1) SOACA 2017 yang membawa

hukuman penjara sehingga 30 tahun, sebatan dan hukuman tambahan ataupun mandatori di bawah SOACA jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, dia melakukan kesalahan itu sekitar jam 12 tengah malam di sebuah rumah di Stampin di sini pada 1 April 2026.

Fakta kes mendedahkan seorang remaja lelaki berusia 19 tahun membuat laporan polis pada 3 April 2026 setelah teman wanitanya (mangsa) menceritakan kepadanya bahawa dia dirogol oleh tertuduh berulang kali sejak tahun 2023, iaitu ketika mangsa berusia 11 tahun.

Mangsa juga menyatakan bahawa kejadian rogol yang terbaharu berlaku pada Rabu minggu lalu, dengan tertuduh masuk ke bilik tidur mangsa dan bertindak melakukan kekerasan seksual ke atas mangsa.

Sewaktu kejadian, mangsa cuba melawan tetapi tertuduh mengugut akan

membawa parang sekiranya mangsa tidak akur kepada permintaannya.

Sehubungan itu, berdasarkan siasatan, polis menangkap tertuduh pada keesokan harinya (4 April 2026) dan hasil pemeriksaan oleh doktor pakar obstetrik dan ginekologi Hospital Umum Sarawak mengesahkan terdapat kesan koyakan lama pada hymen mangsa.

Hasil siasatan lanjut mendapati tertuduh sebagai seorang yang mempunyai hubungan amanah dengan mangsa iaitu sebagai bapa kandungnya telah merogol mangsa, dengan hubungan antara mereka adalah tidak dibenarkan untuk berkahwin.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Asmawi Nur Haqim Mokhtar sementara kes disiasat oleh Inspektor Nur Ain Wong.

Tertuduh tidak diwakili peguam.